

16 SEP 1998C

CISCO-PELABURAN

CISCO AKAN TINGKAT PELABURAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Cisco Systems Inc of USA yakin ekonomi Malaysia akan pulih dan merancang untuk menambah pelaburannya di negara ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya John Chambers, membuat ikrar itu selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini.

Satu kenyataan oleh Apex Communications Sdn Bhd menyebut Chambers sebagai berkata beliau tertarik dengan wawasan Dr Mahathir untuk negara ini dan tidak mempunyai kesangsian bahawa negara ini berada di landasan yang betul ke arah menyertai peserta-peserta global di dalam era maklumat baru yang sedang muncul.

Chambers berkata beliau yakin bahawa Dr Mahathir akan dapat memulihkan ekonomi dan meletakkan Malaysia ke atas landasan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar.

Usahawan yang sedang melawat itu mengulas demikian berasaskan kepada maklum balas yang diperolehi semasa perbincangan yang diadakannya dengan pelbagai pihak yang telah beliau temui.

Cisco, pemimpin dunia di dalam perangkaan untuk Internet, telah mempunyai anak syarikatnya di sini, Cisco Malaysia.

Apex Communications adalah syarikat penyatu sistem yang paling diutamakan Cisco yang memasang sistem jaringan dan membekalkan penyelesaian perhubungan yang menggunakan produk-produk Cisco.

-- BERNAMA

MSL SA OS